

Henti spekulasi:

Oleh Mutazar Abd Chani

BH 22/7/03

BUTTERWORTH: Semua pemimpin Umno diingatkan supaya berhenti membuat sebarang spekulasi mengenai kedudukan masing-masing serta jawatan politik lain selepas peralihan kuasa Oktober ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan demikian bagi mengelakkan kekecohan pada peringkat bahagian dan cawangan, selain keresahan di kalangan pemimpin serta penyokong masing-masing.

Timbalan Presiden Umno itu berkata, tindakan membuat spekulasi dan andaian seumpama itu juga boleh menimbulkan perasaan kecewa dan tidak senang hati di kalangan pihak yang terbit.

Pak Lah

Koperasi **wajar dinamik, agresif** - Muka 2

“Tak payahlah kita buat kenyataan berupa spekulasi. Spekulasi tetap spekulasi. Kita tak mahu spekulasi (boleh) timbul keributan situasi dalam mana-mana bahagian atau cawangan parti.

“Kadang kala kenyataan spekulasi juga menimbulkan perasaan takpuas hati. Masing-masing pemimpin ada penyokong.

“Oleh itu, apa juga kenyataan yang dikeluarkan, kita kena berhenti. Jangan sampai timbul perasaan kecewa atau tidak senang hati,” katanya selepas merasmikan sambutan Hari Koperasi Negara 2003 di Dewan Millenium, Kepala Batas di sini, semalam.

Abdullah berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, minggu lalu, yang mendakwa menerima ugutan politik daripada pihak tertentu bahawa kedudukannya akan terancam selepas peredaran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Oktober ini.

Shahidan mendakwa kononnya beliau akan digugurkan sebagai Menteri Besar selepas pilihan raya umum akan datang. Beberapa pemimpin Umno dari Perlis juga dikatakan akan menggantikan Shahidan, termasuk Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid dan Ketua Umno Bahagian Kangar, Datuk Radzi Sheikh Ahmad.

Abdullah berkata, spekulasi seumpama itu tidak sepatutnya timbul kerana beliau belum membuat keputusan mengenai kepemimpinan akan datang dan tidak berbincang dengan sesiapa pun berhubung perkara itu.

Sehubungan itu, beliau berharap kenyataan yang dibuat oleh pemimpin tertentu tidak akan menimbulkan suasana tidak senang hati dan keresahan di kalangan pemimpin serta ahli parti.

“Belum ditentukan lagi (calon atau pemimpin) dan saya tak sembang dengan sesiapa pun. Tak tahu la... itu satu perkara Shahidan tahu... masalah peribadi dia. Bagi saya, ini soal siapa nak jadi wakil rakyat, siapa nak pegang jawatan tertentu,” katanya.